



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**IMAM TINGKAT III (C.1-2 EB.3)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. IMAM TINGKAT III  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Mempunyai Diploma atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau dalam bidang bersesuaian dan lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Imam Tingkat IV atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

2. Mahir / berkebolehan dalam bidang-bidang berikut:

- a) Membaca Al-Quran dengan bertajwid, tartil dan berlagu.
- b) Hafaz dengan baik ayat-ayat lazim dan surah-surah berikut:
  - i) Surah Jumu'ah.
  - ii) Surah Al-Munafiqun.
  - iii) Surah Yaa'sin.
- c) Membaca dan menulis jawi.
- d) Membaca tahlil dan doa-doa tertentu.
- e) Menyampaikan Khutbah.
- f) Menyempurnakan Jenazah.
- g) Mengetahui hukum-hukum khasnya dalam perkara-perkara bersuci, haji, munakahat, perkahwinan, puasa, sembahyang dan zakat.
- h) Berdikir dan berzanji menurut sukanan yang ditentukan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menjadi Imam sembahyang lima waktu, Sembahyang Hari Raya, Sembahyang Terawih, Witir dan sembahyang-sebahyang lain yang di adakan di Masjid / Surau;
2. Mengawal dan menjalankan segala perkara yang berkenaan dengan Masjid / Surau termasuklah menjaga dan memelihara perkara-perkara berikut:
  - a) Keselamatan dan kebersihan bangunan Masjid / Surau.
  - b) Keselamatan harta benda Masjid / Surau seperti menyimpan segala kenyataan yang lengkap mengenai dengan harta-benda masjid, wang tunai dan kunci kira-kira.
3. Menyempurnakan Jenazah yang dituntut oleh Syara' mengenai dengan hal ehwal kematian dalam perkhemahan seperti memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan, membaca talkin dan tahlil;
4. Memberi laporan kepada Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) segala perkara yang berlaku dalam perkhemahan berhubung dengan Ugama;
5. Membaca khutbah bagi Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha;
6. Menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya menurut yang ditentukan oleh Bab (65) dari undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1995; dan
7. Pada umumnya hendaklah sentiasa menjaga maruah dan kehormatan Ugama dan Imam hendaklah menaruh ingatan dan perhatian yang berat bahawa jawatannya adalah pekerjaan dan perkhidmatan bagi menjalankan suruhan Ugama.